



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 1 TAHUN 2017**

---

**PENYELARASAN PENAWARAN KOMPONEN  
KURSUS UNIVERSITI BAGI PROGRAM DIPLOMA**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
20 September 2017

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

20 SEPTEMBER 2017

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2017**

**PENYELARASAN PENAWARAN KOMPONEN  
KURSUS UNIVERSITI BAGI PROGRAM DIPLOMA**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-158 Bilangan 9/2017 yang bersidang pada 20 September 2017 telah bersetuju dengan penyelarasan penawaran komponen Kursus Universiti bagi program Diploma dengan mengambilkira penemuan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KTP),

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Penawaran kursus Mata pelajaran Pengajian Umum (MPU) adalah berkuatkuasa pada 1 September 2013 ke atas pelajar pengambilan kohort baharu di semua IPT, manakala penawaran MPU menggunakan Garis Panduan MPU Edisi Kedua pula berkuatkuasa pada September 2017.
- 2.2 IPT perlu mematuhi dasar-dasar pelaksanaan MPU, tertakluk kepada pekeliling berkaitan MPU yang dikeluarkan dari semasa ke semasa
- 2.3 Penemuan awal isu pematuhan di UA oleh pihak KPT melibatkan isu-isu berikut:

- 2.3.1 Penawaran Kursus TITAS dan Hubungan Etnik (HE) dalam Bahasa Inggeris.
  - 2.3.2 Penawaran Kursus TITAS dan HE kepada semua pelajar.
  - 2.3.3 Penawaran Kursus TITAS dan HE kepada pelajar Diploma.
  - 2.3.4 Tidak menawarkan kursus TITAS dan HE kepada pelajar program tertentu.
  - 2.3.5 Tidak menggunakan buku Rujukan Wajib yang disyorkan.
  - 2.3.6 Penawaran Kursus lain yang dikatakan menyamai Kursus TITAS.
  - 2.3.7 Penawaran Kursus Pengajian Malaysia kepada semua pelajar (Penawaran Kursus Pengajian Malaysia hanya ditawarkan kepada pelajar bukan Warganegara pada tahap pengajian Sarjana Muda)
  - 2.3.8 Struktur penilaian Kursus TITAS dan HE tidak mengikut dasar KPT iaitu 30 peratus penilaian bertulis dan 70 peratus penilaian berterusan
- 2.4 Mesyuarat Senat Kali Ke-142 Bilangan 5/2016 telah meluluskan komponen Kursus Universiti kepada pelajar Diploma melibatkan kursus TITAS dan HE. Penawaran ini didapati tidak mematuhi dasar pelaksanaan MPU.
- 2.5 Justifikasi penyelarasan perlu dibuat bagi memastikan penawaran kursus MPU adalah seragam di antara semua program Diploma selain perlu mematuhi garis panduan MPU yang telah ditetapkan oleh KPT.
- 2.6 Penyelarasan ini juga dibuat berdasarkan surat makluman KPT berkaitan penambahbaikan dasar pindah kredit yang menyatakan pindah kredit MPU hanya dibenarkan secara horizontal sahaja. Pindah kredit secara horizontal ialah bagi pelajar yang berada dalam sistem (pelajar yang masih dalam pengajian).

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan penawaran kursus seperti berikut:

Kelompok	Komponen Kursus Universiti Program Diploma Sedia Ada			Cadangan Komponen Kursus Universiti Program Diploma					
	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Warganegara			Bukan Warganegara		
				Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit
U1	HNH2012	TITAS	2	FSK	Pengajian Malaysia 2	2			
U1	BMK2012	Bahasa Melayu	2	BMK2012	Bahasa Melayu	2	BMK2012	Bahasa Melayu	2
U1	HNS2012	Hubungan Etnik	2						
U2	BIU2022	English Proficiency 2	2	BIU2022	English Proficiency 2	2	BIU2022	English Proficiency 2	2
U2	PKU2013	Asas Keusahawanan	3	PKU2013	Asas Keusahawanan	3	PKU2013	Asas Keusahawanan	3
U3	HNP2012	Pengajian Kenegaraan	2	HNS3053	Masyarakat Malaysia	3	HNS3053	Masyarakat Malaysia	3
U4	*****	Ko-kurikulum 1	1	*****	Ko-kurikulum 1	1	*****	Ko-kurikulum 1	1
U4	*****	Ko-kurikulum 2	1	*****	Ko-kurikulum 2	1	*****	Ko-kurikulum 2	1
		<b>JUMLAH</b>	<b>15</b>		<b>JUMLAH</b>	<b>14</b>		<b>JUMLAH</b>	<b>12</b>

3.2 Penawaran Kursus Universiti ini akan ditawarkan bagi program peringkat Diploma bermula Semester 2 Sesi 2017/2018 (Ambilan November 2017).

### 4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 20 September 2017.

Sekian, terima kasih.

**“KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN”**

Yang benar,



**(SUHAILA SIDEK)**

Timbalan Pendaftar Kanan

